# Ikon superhero

## » Chargers Outfitters lancar koleksi Iron Man 3

Demam watak superhero *Iron Man 3* yang melanda seluruh negara memberi kesempatan buat jenama fesyen kasual Chargers Outfitters untuk melancarkan koleksi istimewa yang mengangkat daripada watak-watak daripada filem aksi berkenaan.

Pengurus Komunikasi Pemasaran dan Penjenamaan Jordone Corporation Sdn Bhd, Niki Leng selaku pengeluar jenama berkata, idea untuk melancarkan koleksi itu berdasarkan persamaan moto fesyen berkenaan dengan karakter Iron Man.

Beliau berkata, pihaknya mengambil kira fenomena sesetengah filem yang memiliki kekuatan selain penerimaan penggemar fesyen.

"Seperti mana yang kita ketahui, Iron Man adalah manusia iaitu Tony Stark yang menggunakan kreativiti dan kebijaksanaannya mencipta sut yang menjadikan dia seorang superhero.

"Asas itu mempunyai persamaan dengan misi perniagaan kami yang mempromosikan kreativiti dan inovasi dalam penghasilan fesyen," katanya.

### 30 rekaan

Tampil dengan 30 rekaan menarik berdasarkan watak-watak filem berkenaan, koleksi khas itu sudah dipasarkan sejak 15 April lalu.

Beliau berkata, keputusan melancarkan koleksi itu bertepatan dengan strategi perniagaan mereka memandangkan Iron Man adalah satu fenomena dan popular dalam kalangan masyarakat.

"Umum mengetahui yang karakter ini sangat popular terutamanya bagi golongan muda yang juga kumpulan pembeli utama jenama kami. Malah, imej dan karakter watak-watak dalam filem ini juga bersesuaian dengan konsep kami," kata Leng.

### Harga berpatutan

Selain Iron Man, rekaan pada koleksi baju, kemeja, jaket dan seluar jenama itu termasuklah War Machine, Iron Patriot dan Mandarin. Koleksi ini dijual dengan harga berpatutan antara RM49.90 hingga RM79.90.






# 3 pilihan pencuci wajah

**Clean** & Clear memperkenalkan rangkaian pembersih muka terbaru, Fruit Essentials dengan tiga pilihan buah-buahan iaitu Energizing Berry, Purifying Apple dan Brightening Lemon.

"Sebagai produk penjagaan kulit global di bawah jenama Johnson & Johnson, pasukan pakar kulit remaja Clean & Clear komited untuk mengkaji keperluan remaja dengan teknologi penjagaan kulit paling inovatif," kata Pengurus Besar Johnson & Johnson Malaysia dan Singapura, Vaibhav Saran.

Energizing Berry mengandungi ekstrak rasberi yang diperkaya dengan vitamin C dan vitamin B3 sekali gus bertindak sebagai bahan antioksidan untuk mengawal penggantian sel kulit.

Sementara, Purifying Apple pula mengandungi ekstrak epal dengan ciri eksfoliasi lembut bagi menanggalkan sel kulit mati. Ekstrak lemon dalam pembersih muka Brightening Lemon pula kaya dengan sumber vitamin C. Ciri antioksida membantu menyerikan tona kulit serta wajah tampak lebih berseri.

Clean & Clear Fruit Essentials mula dipasarkan dengan harga RM12.90 sebotol bagi saiz 100ml.

Vono
More Than Just Back Care

"Sokongan tulang belakang yang lebih baik untuk tidur yang lebih sihat."

Maya Karin
Artis Antarabangsa



7 Zon dengan Lateks untuk Sokongan Sempurna.

Daripada Vono, tilam kesihatan tulang belakang No. 1 - Vono ErgoBed, direkabentuk khas oleh pakar ergonomis.

Hasil penyelidikan bersama dengan Pusat Ergonomik Switzerland (AEH) berdasarkan badan, Vono ErgoBed berciri 7 Zon untuk sokongan terperinci, Sistem Spring Intalok dengan bilangan spring dua ganda, getah asli eksklusif dan fabrik anti–kulat, bakteria dan hama.

Vono ErgoBed, menyempurnakan hidup Maya dan anda bersama.



En. Hansjoerg Huwiler
Ergonomis
AEH (Pusat Ergonomik, Switzerland)

HQ(JM) 2013/189/2

DISKAUN 50%

Promosi tamat pada 6 June 2013
HARGA PROMOSI UNTUK SAIZ 'QUEEN'
(JUGA TERDAPAT DALAM PELBAGAI SAIZ )

| MODEL | TILAM SAHAJA | DIPAN ERGOBED | KEPALA KATIL |
|---|---|---|---|
| Back Saver 1 dengan Spring INTALOK 800 | ~~(RM1,470)~~ RM735 PERCUMA 2 Bantal (B) | ~~(RM1,450)~~ RM725 | ~~(RM480)~~ RM240 Pilihan 4 rekaan kepala katil, dari RM240 ke atas. |
| ErgoBed 800 Plus dengan lateks dan Spring INTALOK 800 | ~~(RM2,520)~~ RM1,260 PERCUMA 2 Bantal (B) | | |
| ErgoBed 1200 dengan lateks dan Spring berpoket INTALOK 1200 | ~~(RM3,360)~~ RM1,680 PERCUMA 2 Bantal (B) & 1 Pelapik Tilam | | |

Nota: Tilam Ergonomis dengan 7 zon bersama dengan lateks merujuk kepada model ErgoBed 800 Plus dan ErgoBed 1200 sahaja.



Tilam ErgoBed 1200 dengan Dipan ErgoBed serta Kepala Katil Castello

Baharu!
Bantal ErgoNeck, hanya RM88
Menyokong leher anda dengan selesa.




Untuk maklumat lanjut, sila imbas kod ini.

HILDING ANDERS
A MEMBER OF THE HILDING ANDERS GROUP

Slumberland Malaysia Sdn Bhd (789312-D)
Customer Service: 03 8925 5576, 03 8926 7436, 03 8926 8888
Penang H/P: 016 517 1375, Kedah & Perlis H/P: 019 464 6666,
Perak H/P: 016 411 2301, Negeri Sembilan & Melaka H/P: 019 656 3798,
Johor H/P: 016 333 1131, Kelantan, Terengganu & Pahang H/P: 012 234 9726
Website: www.vono.com.my